



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

# **RETORIK PUISI GELIGA DALAM MEMBUDAYAKAN MASYARAKAT IBAN: ANALISIS TEORI BUDAYA DAN STILISTIK**

**LAURA ANAK BERUIN**



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

**2022**



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

i

**RETORIK PUISI GELIGA DALAM MEMBUDAYAKAN MASYARAKAT  
IBAN: ANALISIS TEORI BUDAYA DAN STILISTIK**

**LAURA ANAK BERUIN**



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK  
MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN  
(MOD PENYELIDIKAN)**

**FAKULTI BAHASA DAN KOMUNIKASI  
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

**2022**



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



## INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH

## PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Perakuan ini telah dibuat pada .....7.....(hari bulan).....6.....(bulan) 20.....22.....

## i. Perakuan pelajar :

Saya, LAURA ANAK BERUIN M20191000747 FAKULTI BAHASA DAN KOMUNIKASI (SILA NYATAKAN NAMA PELAJAR, NO. MATRIK DAN FAKULTI) dengan ini mengaku bahawa disertasi/tesis yang bertajuk RETORIK PUSSI GELIGA DALAM MEMBUDAYAKAN MASYARAKAT IBAN : ANALISIS TEORI BUDAYA DAN STILISTIK

adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan seielasnya dan secukupnya

Tandatangan pelajar



## ii. Perakuan Penyelia:

Saya, Dr. ROHAYATI BINTI JUNAIDI (NAMA PENYELIA) dengan ini mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk RETORIK PUSSI GELIGA DALAM MEMBUDAYAKAN MASYARAKAT IBAN : ANALISIS TEORI BUDAYA DAN STILISTIK

(TAJUK) dihasilkan oleh pelajar seperti nama di atas, dan telah diserahkan kepada Institut Pengajian SiswaZah bagi memenuhi sebahagian/sepenuhnya syarat untuk memperoleh Ijazah SARJANA PENDIDIKAN BAHASA IBAN (SLA NYATAKAN NAMA IJAZAH).

9.6.2022

Tarikh

  
Tandatangan Penyelia

INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH /  
INSTITUTE OF GRADUATE STUDIESBORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS/DISERTASI/LAPORAN KERTAS PROJEK  
DECLARATION OF THESIS/DISSERTATION/PROJECT PAPER FORM

Tajuk / Title: RETORIK PUSSI GELIGA DALAM MEMBUDAYAKAN MASYARAKAT  
 IBAN : ANALISIS TEORI BUDAYA DAN STILISTIK

No. Matrik /Matic's No.: M20191000747

Saya / I : LAURA ANAK BERUIN

(Nama pelajar / Student's Name)

mengaku membenarkan Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek (Kedoktoran/Sarjana)\* ini disimpan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perpustakaan Tuanku Bainun) dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-  
*acknowledged that Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tuanku Bainun Library) reserves the right as follows:-*

1. Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek ini adalah hak milik UPSI.  
*The thesis is the property of Universiti Pendidikan Sultan Idris*
2. Perpustakaan Tuanku Bainun dibenarkan membuat salinan untuk tujuan rujukan dan penyelidikan.  
*Tuanku Bainun Library has the right to make copies for the purpose of reference and research.*
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan Tesis/Disertasi ini sebagai bahan pertukaran antara Institusi Pengajaran Tinggi.  
*The Library has the right to make copies of the thesis for academic exchange.*

4. Sila tandakan ( ✓ ) bagi pilihan kategori di bawah / Please tick ( ✓ ) for category below:-




**SULIT/CONFIDENTIAL**

Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperli yang termaklum dalam Akta Rahsia Rasmi 1972. / Contains confidential information under the Official Secret Act 1972



**TERHAD/RESTRICTED**

Mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan ini dijalankan. / Contains restricted information as specified by the organization where research was done.



**TIDAK TERHAD / OPEN ACCESS**

(Tandatangan Pelajar/ Signature)

Dr. Rohayati Junaidi  
 Jabatan Bahasa dan Keusasteraan Melayu  
 Fakulti Bahasa dan Komunikasi  
 Universiti Pendidikan Sultan Idris  
 35900 Tanjung Malim, Perak

(Tandatangan Penyelia / Signature of Supervisor)  
 & (Nama & Cop Rasmi / Name & Official Stamp)

Tarikh: 13.6.2022

Catalan: Jika Tesis/Disertasi ini SULIT @ TERHAD, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh laporan ini perlu dikelaskan sebagai SULIT dan TERHAD.

Notes: If the thesis is CONFIDENTIAL or RESTRICTED, please attach with the letter from the organization with period and reasons for confidentiality or restriction.





## PENGHARGAAN

Saya bersyukur kepada Tuhan kerana telah memberkati saya sehingga dapat menyiapkan tesis ini dengan sepenuhnya. Melalui ruangan ini, saya ingin merakamkan penghargaan dan ucapan terima kasih saya kepada Dr. Rohayati Binti Junaidi, selaku penyelia saya dan Puan Saripah Banseng selaku penyelia bersama saya di atas sokongan, dorongan, bimbingan, nasihat, tunjuk ajar dan kesabaran kepada saya untuk menyempurnakan tesis ini. Kebijaksanaan mereka telah mengajar saya untuk menjadi penyelidik yang baik. Tidak dilupakan juga kepada bekas penyelia saya yang telah bersara iaitu Prof. Madya. Dr. Chemaline Osup kerana telah memberi bimbingan, tunjuk ajar dan sokongan kepada saya sepanjang berada di bawah seliaan beliau dan terima kasih juga ditujukan kepada barisan pensyarah yang telah memberi nasihat dan komen berkenaan tesis saya. Terima kasih kepada staf teknikal Fakulti Bahasa dan Komunikasi dan Institut Pengajian Siswazah UPSI yang sentiasa memberi maklumat serta maklum balas atas pertanyaan yang diberikan sepanjang pengajian ini. Saya juga ingin mengucapkan terima kasih yang tidak terhingga kepada kedua-dua ibu bapa saya iaitu Encik Beruin Anak Changai dan Puan Laie Anak Rantai kerana telah memberi kemudahan, sokongan padu dan doa sepanjang saya melaksanakan penyelidikan ini. Sesungguhnya segala pengorbanan yang telah dilakukan oleh kedua ibu bapa amat saya sanjungi dan ingati. Tidak dilupakan juga ucapan terima kasih kepada responden dalam kajian ini yang sudi meluangkan masa untuk ditemu bual. Ucapan penghargaan ini juga saya tujukan kepada rakan-rakan seperjuangan saya yang sentiasa mengingatkan tentang tugasan, memberi bantuan dan sokongan moral ketika saya berdepan dengan cabaran. Akhir sekali, ucapan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam menyiapkan tesis ini. Semoga penyelidikan ini dapat menyumbang ilmu baharu yang berguna kepada generasi akan datang.





## ABSTRAK

Retorik *leka main geliga* merupakan salah satu puisi peringatan tentang adat dalam kalangan masyarakat Iban. Puisi *geliga* dilafazkan sebelum bermulanya perayaan gawai dan majlis perkahwinan. Penghuni rumah panjang dan tetamu diingatkan tentang adat melalui puisi *geliga* yang berkaitan dengan tingkah laku dan boleh dikenakan denda jika di antara mereka didapati melanggar adat tersebut. Penyelidikan ini dijalankan untuk mengenal pasti jenis *leka main geliga* rakyat Iban, merungkai fungsi *leka main geliga* rakyat Iban berdasarkan teori budaya dan menganalisis gaya bahasa pengulangan kata dalam *geliga* rakyat Iban berdasarkan teori stilistik. Dapatkan data diperoleh daripada data-data bersifat kualitatif menerusi temu bual, pemerhatian dan perpustakaan dengan menggunakan teori budaya dan teori stilistik oleh Mana Sikana (2013) berdasarkan pendekatan meneliti aspek latar budaya teks, meneliti perjuangan-perjuangan individu dan kefahaman pembaca. Seramai sembilan responden yang terlibat iaitu tujuh responden merupakan pemuisi *geliga* dan dua responden lagi merupakan pegawai penyelidik. Hasil dapatan mendapati *leka main geliga* mempunyai tiga jenis iaitu *Geliga Gawai*, *Geliga Gawai Antu* dan *Geliga Nikah*. Fungsi bagi *leka main geliga* pula adalah sebagai peringatan tentang adat, sebagai panduan atur cara perayaan gawai dan perkahwinan, alat untuk mendidik tingkah laku, merapatkan hubungan, bersikap jujur dan memiliki sikap hormat-menghormati. Gaya bahasa pengulangan kata yang telah digunakan dalam *leka main geliga* adalah anafora, epifora dan mesodilopsis. Penyelidikan ini bukan sahaja menjelaskan *geliga* sebagai puisi tradisional masyarakat Iban namun juga sebagai wadah untuk memperkasakan adat dan budaya yang telah diwarisi secara turun-temurun agar dapat membentuk masyarakat Iban yang berilmu, berwawasan dan beretika tinggi.





## THE RHETORIC OF GELIGA POETRY IN CULTIVATING THE IBAN SOCIETY: AN ANALYSIS OF CULTURAL AND STYLISTIC THEORY

### ABSTRACT

The rhetoric of *leka main geliga* is one of the commemorative poems about customs among the Iban people. *Geliga* poems are recited before the start of the gawai and wedding ceremony. Longhouse occupants and guests are reminded of customs related to the behavior through *geliga* poems and can be fined if any of them are found to be violating the customs. This research was conducted to identify the types of *leka main geliga* of the Iban people, function of *leka main geliga* of the Iban people based on cultural theory and analyze the language style of word repetition in *geliga* of the Iban people based on stylistic theory. Data were obtained from qualitative data through interviews, observations and libraries using cultural theory and stylistic theory of Mana Sikana (2013) based on the approach of examining aspects of the cultural background of the text, examining the struggles of individuals and reader understanding. A total of nine respondents were involved, namely seven respondents were poets *geliga* and two respondents were research officers. The results found that *leka main geliga* has three types, namely *Geliga Gawai*, *Geliga Gawai Antu* and *Geliga Nikah*. The function of *leka main geliga* is as a reminder of customs, as a guide for gawai and wedding celebrations, a tool to educate behavior, strengthen relationships, be honest and have a respectful attitude. The language styles of word repetition are anaphora, epiphora and mesodiplosis have been used in *leka main geliga*. This research not only explains *geliga* as a traditional poetry of the Iban community but also as a platforms to strengthen the customs and culture that have been inherited from generation to generation in order to form a knowledgeable, visionary and highly ethical Iban community.





## KANDUNGAN

### Muka Surat

<b>PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN</b>	ii
<b>PENGESAHAN PENYERAHAN DISERTASI</b>	iii
<b>PENGHARGAAN</b>	iv
<b>ABSTRAK</b>	v
<b>ABSTRACT</b>	vi
<b>KANDUNGAN</b>	vii
<b>SENARAI JADUAL</b>	xii
<b>SENARAI RAJAH</b>	xiii
<b>SENARAI LAMPIRAN</b>	xiv



## BAB 1 PENDAHULUAN

1.0 Pengenalan	1
1.1 Latar Belakang Puisi Masyarakat Iban	3
1.2 Pernyataan Masalah	9
1.3 Objektif Kajian	13
1.4 Persoalan Kajian	13
1.5 Kepentingan Kajian	14
1.6 Batasan Kajian	17
1.7 Definisi Istilah dan Operasional	18
1.8 Penutup	29



**BAB 2 SOROTAN LITERATUR**

2.0 Pengenalan	31
2.1 Literatur Berkaitan Pendidikan Bahasa Iban	32
2.2 Literatur Berkaitan Karya Sastera	38
2.3 Literatur Berkaitan Leka Main	49
2.4 Kerangka Teori	56
2.4.1 Teori Budaya	56
2.4.2 Teori Stilistik	60
2.5 Penutup	62

**BAB 3 METODOLOGI**

3.0 Pengenalan	64
3.1 Reka Bentuk Kajian	65
3.1.1 Kajian	65
3.1.2 Kajian	65
3.2 Kerangka Konseptual	68
3.2.1 Teori Budaya	70
3.2.1.1 Pendekatan Meneliti Aspek Latar Budaya Teks	71
3.2.1.2 Pendekatan Meneliti Perjuangan-Perjuangan Individu	72
3.2.2 Teori Stilistik	74
3.2.2.1 Pendekatan Kefahaman Pembaca	75
3.3 Sampel Kajian	78
3.3.1 Pemuisi Geliga	80
3.3.2 Pegawai Penyelidik	81
3.4 Instrumen	82
3.4.1 Temu Bual	83





3.4.2 Pemerhatian	85
3.4.3 Perpustakaan	92
3.4.4 Rakaman	94
3.4.5 Teks-Teks Rujukan	95
3.5 Prosedur Pengumpulan Data	96
3.5.1 Peringkat Pengenalan	97
3.5.2 Peringkat Penyesuaian	99
3.5.3 Peringkat Pengumpulan Data	100
3.6 Tatacara Penganalisisan Data	101
3.6.1 Analisis Deskriptif	102
3.7 Penutup	105



4.0 Pengenalan	107
4.1 Jenis Leka Main Geliga	108
4.1.1 Geliga Gawai	111
4.1.2 Geliga Gawai Antu	118
4.1.3 Geliga Nikah	123
4.2 Fungsi Leka Main Geliga	128
4.2.1 Peringatan Tentang Adat	131
4.2.2 Sebagai Panduan Atur cara Perayaan Gawai dan Perkahwinan	136
4.2.3 Alat Untuk Mendidik Tingkah Laku	140
4.2.4 Merapatkan Hubungan	145
4.2.5 Bersikap Jujur	149





4.2.6 Memiliki Sikap Hormat Menghormati	153
4.3 Gaya Bahasa Pengulangan Kata Dalam Leka Main Geliga	157
4.3.1 Gaya Bahasa Pengulangan Kata Anafora	161
4.3.2 Gaya Bahasa Pengulangan Kata Epifora	166
4.3.3 Gaya Bahasa Pengulangan Kata Mesodilopsis	171
4.4 Kekerapan Penggunaan Gaya Bahasa Pengulangan Kata dalam Geliga Gawai, Geliga Gawai Antu dan Geliga Nikah	175
4.5 Penutup	178

## BAB 5 PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN

5.0 Pengenalan	181
5.1 Ringkasan Kajian	181
5.1.1 Perbincangan Dapatan Kajian	181
5.2 Perbincangan Dapatan Kajian	183
5.2.1 Perbincangan Dapatan Jenis Leka Main Geliga	184
5.2.2 Perbincangan Dapatan Fungsi Leka Main Geliga	188
5.2.3 Perbincangan Dapatan Gaya Bahasa Pengulangan Kata Dalam Leka Main Geliga	193
5.3 Implikasi Dapatan Kajian	198
5.3.1 Implikasi Terhadap Masyarakat Iban	198
5.3.2 Implikasi Terhadap Pemuisi Dan Pengarang Geliga	200
5.3.3 Implikasi Terhadap Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM)	201
5.4 Cadangan Kajian Lanjutan	202





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

xi

<b>5.5 Penutup</b>	<b>204</b>
<b>RUJUKAN</b>	<b>208</b>
<b>LAMPIRAN</b>	<b>216</b>



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



## **SENARAI JADUAL**

<b>No. Jadual</b>		<b>Muka Surat</b>
3.1	Pengulangan Kata Anafora, Epifora dan Mesodilopsis dalam Puisi Geliga	76
3.2	Aspek Pemilihan Responden	79
3.3	Soalan Temu Bual	85
3.4	Borang Pemerhatian Terhadap Perubahan dan Tingkah Laku 1	87
3.5	Borang Pemerhatian Terhadap Perubahan dan Tingkah Laku 4	88
3.6	Borang Pemerhatian Terhadap Perubahan dan Tingkah Laku 5	89
3.7	Borang Pemerhatian Terhadap Perubahan dan Tingkah Laku 6	89
3.8	Borang Pemerhatian Terhadap Perubahan dan Tingkah Laku 7	90
3.9	Borang Pemerhatian Terhadap Perubahan dan Tingkah Laku 8	91
4.0	Borang Pemerhatian Terhadap Perubahan dan Tingkah Laku 9	92
4.1	Kekerapan Gaya Bahasa Pengulangan Kata dalam Geliga Gawai, Geliga Gawai Antu dan Geliga Nikah	176





## **SENARAI RAJAH**

<b>No. Rajah</b>		<b>Muka Surat</b>
1.1	Carta Alir Jenis Leka Main Masyarakat Iban	6
3.1	Reka Bentuk Kajian	67
3.2	Kerangka Konseptual	69
3.3	Prosedur Pengumpulan Data	96
3.4	Rangka Kerja Analisis Data Temu Bual	104
4.1	Carta Alir Jenis Leka Main Geliga	109
4.2	Pemuisi Geliga Encik Ngilah Anak Ela	114
4.3	Pemuisi Geliga Encik Rantai Anak Gerijih	124
4.4	Carta Alir Fungsi Leka Main Geliga	130
4.5	Carta Alir Gaya Bahasa Pengulangan Kata Leka Main Geliga	159
5.1	Penemuan Fungsi Leka Main Geliga Kepada Masyarakat Iban	189





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

xiv

## **SENARAI LAMPIRAN**

- A      Soalan Temu Bual (Versi Bahasa Iban/Bahasa Melayu)
- B      Transkrip Temu Bual
- C      Gambar Responden



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



## BAB 1

### PENDAHULUAN



Kebijaksanaan masyarakat Iban semakin terserlah apabila menggunakan tradisi lisan iaitu genre sastera untuk mencerminkan adat dan budaya yang diamalkan oleh mereka secara turun temurun untuk mendidik anak bangsa. Sastera bersifat dinamis iaitu memiliki intelektual fungsi dan sifat bahasa yang sentiasa berubah-ubah mengikut peredaran masa pasti memberi kesan kepada kehidupan masyarakat Iban yang menggunakan bahasa pertuturan utama mereka iaitu bahasa Iban sebagai wahana untuk menyelitkan tentang adat dan budaya yang disampaikan secara berpuisi. Tambahan lagi, sastera yang bersifat dinamik telah menjadikan kesusasteraan ini lebih mapan dan ‘hidup’ untuk mempertahankan peradaban masyarakat Iban yang telah lama dipatuhi.





Kesungguhan masyarakat Iban untuk mendidik anak bangsa diutarakan dengan kata-kata puisi yang bertunjangkan adat dan budaya ternyata memainkan peranan penting untuk mempengaruhi pemikiran generasi muda yang sememangnya pada zaman ini amat mencabar generasi tua untuk mendidik perlakuan yang baik dalam diri mereka.

Oleh itu, keupayaan sastera Iban ini dilihat melalui kata-kata yang dicipta berasaskan adat kerana berupaya memberi impak besar terhadap diri masyarakat Iban tidak kira generasi muda mahupun generasi tua untuk menjadi insan yang berakhhlak mulia dan memiliki peradaban yang tinggi. Kekuatan kata-kata bahasa Iban yang berteraskan adat juga memberi saingen kepada masyarakat lain kerana memberi kelebihan kepada masyarakat Iban untuk mewujudkan suatu masyarakat yang berdedikasi dan memberi keperibadian yang baik kepada masyarakat lain.



Pada hari ini, berikutan penyesuaian sosial kepada perubahan ekonomi dan politik yang berlaku pada zaman penuh kemodenan dan era globalisasi kini telah membawa kepada kepupusan, kerosakan dan kehancuran adat dan budaya yang ditonjolkan melalui sastera lisan khususnya untuk upacara ritual, tradisi, puisi, mitos, cerita rakyat yang mengandungi Bahasa Iban yang penuh ekspresif, metafora, retorik dan figuratif (Chemaline Osup, 2015: 107). Kepupusan tersebut telah menggugat kedudukan bahasa Iban sebagai bahasa pertuturan utama bagi masyarakat Iban untuk mengukuhkan bahasa dan sastera Iban ke peringkat yang lebih tinggi. Tidak dinafikan bahawa perubahan zaman telah menghakis banyak budaya masyarakat Iban.

Oleh itu, cabaran yang ditempuhi pada abad ini berkenaan budaya dan sastera masyarakat Iban yang menjurus kepada puisi tradisional masyarakat Iban





telah menjadi salah satu pencetus idea penyelidik dalam usaha untuk mempertahankan adat tradisi masyarakat Iban yang disampaikan melalui puisi tradisional *geliga* untuk memperkuuh peradaban masyarakat Iban kerana nilai sastera dalam masyarakat Iban ini bukan sahaja mempunyai nilai sejarah namun boleh memanifestasikan identiti dan jati diri mereka sebagai etnik peribumi di negeri Sarawak.

### 1.1 Latar Belakang Puisi Masyarakat Iban

Negeri Sarawak dikenali sebagai sebuah negeri yang berbilang kaum dan terbesar di Malaysia kerana mempunyai pelbagai suku kaum peribumi yang menganut

agama, kepercayaan, adat resam dan budaya yang berbeza di negeri tersebut. Masyarakat Iban merupakan kelompok masyarakat peribumi yang terbesar kerana mereka tinggal di merata-rata tempat di negeri Sarawak (Patricia dan Asmiaty Amat, 2017: 20).

Populasi masyarakat Iban yang meluas di seluruh negeri Sarawak telah menggambarkan kreativiti dan pemikiran yang tinggi masyarakat Iban untuk memamerkan kekayaan adat dan budaya mereka melalui konteks sastera budaya seperti cerita rakyat dan puisi rakyat yang telah sebatи menjadi salah satu jati diri mereka untuk menonjolkan identiti yang tersendiri.

Oleh itu, keunikan adat dan budaya yang ada pada masyarakat Iban tersebut telah diserahkan melalui genre sastera secara tidak langsung mencetus minat penyelidik dan penyelidik dari seluruh dunia untuk melakukan penyelidikan tentang





masyarakat Iban sekali gus mewujudkan kajian etnografi tentang masyarakat Iban untuk generasi yang akan datang.

Masyarakat Iban dikenali sebagai “*Master Of Language*” kerana mahir menggunakan bahasa, membina baris, mencipta ayat, bijak menyusun dan memilih kata-kata, jadi tidak mustahil elemen adat yang diamalkan oleh masyarakat Iban dalam kehidupan diselitkan dalam bahasa dan sastera Iban sebagai medium mereka untuk memperjuangkan adat dan budaya melalui bahasa dan sastera Iban. Padang Anak Luna (2011) menjelaskan bahawa bahasa Iban mempunyai benihnya sendiri dan boleh berdiri atas kapasiti sebagai bahasa ibunda masyarakat Iban yang bertunjangan ketinggian adat.

Adat yang dipatuhi masyarakat Iban dalam kehidupan sehari-hari digunakan untuk menyelesaikan isu atau konflik yang terjadi di antara mereka untuk menjalani kehidupan yang aman dan damai. Antara adat yang diamalkan masyarakat Iban dalam kehidupan mereka adalah adat membina rumah, adat kahwin dan cerai, adat beranak, adat bertani, adat meninggal, adat gawai dan upacara, adat hidup di rumah panjang, adat burong dan bermimpi serta adat mengembara. Kesemua adat tersebut diselitkan masyarakat Iban ke dalam bahasa dan sastera Iban yang menjurus kepada adat dan budaya kerana ia menggambarkan kekuatan masyarakat Iban untuk berdaya saing dalam mempertahankan bahasa Iban ke peringkat antarabangsa.

Oleh itu, bahasa Iban di negeri Sarawak semakin terserlah kerana memiliki elemen adat yang dipancarkan melalui bahasa Iban sehingga menarik minat penyelidik untuk mengetahui akan keistimewaan yang ada pada sastera Iban seperti puisi tradisional *geliga* yang diselidik penyelidik berkenaan adat masyarakat Iban di rumah panjang yang perlu dipatuhi sepanjang perayaan gawai dan majlis





perkahwinan berlangsung. Puisi tradisional ternyata jelas berpengaruh dalam memaparkan corak kehidupan iaitu adat dan budaya yang diamalkan masyarakat Iban dan menggambarkan keupayaan masyarakat Iban untuk memiliki puisi rakyat tradisional sendiri.

Puisi tradisional yang dimiliki masyarakat Iban merupakan ciptaan suku kaum Iban yang dicipta berdasarkan daya cipta masyarakat Iban sendiri dan tidak dipengaruhi oleh budaya lain (Chemaline, 2013:117). Selain itu, puisi bagi masyarakat Iban merupakan khazanah yang harus dikekalkan secara turun-temurun yang digunakan untuk menyampaikan buah fikiran, meluahkan perasaan dan emosi mereka seperti perasaan sedih, gembira, rindu, marah dan sebagainya. Malah, masyarakat Iban juga menggunakan puisi sebagai salah satu wadah penyampaian dalam memberi nasihat, menyampaikan cerita, memberi pesanan dan sebagainya.

Osup (2013: 117) menjelaskan bahawa puisi iaitu *leka main* terbina daripada hasil penyatuan kata, pemberian makna terhadap sesuatu objek dan menggambarkan perlakuan manusia serta alam sekeliling.

Disebabkan itu, puisi rakyat Iban diklasifikasikan berdasarkan tema, persoalan, isi, mesej, fungsi dan sebagainya oleh masyarakat Iban. Selain itu, puisi masyarakat Iban juga bersifat kolektif dan fungsional kerana terdapat puisi yang terhasil daripada kegiatan ritual dan masih berfungsi untuk tujuan tersebut. Berikut merupakan Rajah 1.1 bagi carta alir jenis *leka main* masyarakat Iban





Rajah 1.1. Carta Alir Jenis *leka main* masyarakat Iban. Sumber : Chemaline Osup (2006)



*Leka main* terbahagi kepada tiga kategori iaitu *leka main pemerindang* (hiburan), *leka main adat basa* (adat) dan *leka main invokasi* (seruan kepada tuhan).

*Leka main pemerindang* (hiburan) adalah *sugi, jawang, timang anak, dungai, pantun bulan, pelandai ara, ramban, sanggai, renong semain, entelah, pelandai karung, ganu, renong ngayap, pantun* dan *ensera*. *Leka main adat basa* (adat) terdiri daripada *ai ansah, tanya indu, geliga, muka kuta, kujuk panggang, dungai ngerasukka tinchin, pantun/sanggai meri ngirup, pantun puji, pantun peransang* dan *jawang pemansang*. Seterusnya, *leka main invokasi* (seruan) terdiri daripada *renong sabong, sampi, pelian, naku pala, renong kayau, renong sakit, sugi sakit, timang, pengap, sangkah, sabak* dan *timang tapang*.

*Leka main* dicipta dengan kata-kata mudah supaya boleh mengusik jiwa dan emosi para pendengarnya. *Leka main* disebut sebagai retorik yang digunakan untuk menekankan penggunaan bahasa dan kata-kata yang dicipta. Perkara tersebut turut dijelaskan Asmah Omar (1998) menyatakan bahawa retorik berkaitan dengan penggunaan bahasa secara berkesan. Selain itu, retorik juga disampaikan untuk menjelaskan pemikiran tentang budaya hidup mereka. Kenyataan tersebut turut dijelaskan Lanham (1991) menyatakan bahawa retorik merupakan teknik untuk menarik perhatian mendapatkan keyakinan seseorang yang mendengar atau membacanya.

Retorik tersebut digunakan dalam puisi rakyat Iban kerana setiap bait-bait puisi dicipta dengan kata-kata yang indah ungkapannya dari segi bunyi, rentak, daksi, tekanan dan perulangan untuk memujuk dan mempengaruhi seseorang (Chemaline Osup, 2006: 16). Sebagai contoh, pengulangan tersebut dilakukan bagi membolehkan khalayak ramai memahami setiap mesej yang diselitkan dalam *leka*





*main* rakyat Iban. Pemuisi akan berusaha mencipta kata-kata indah yang dilafazkan dengan makna yang tersirat. Keadaan sekeliling dijadikan pemuisi sebagai alat pencetus idea dalam mengarang puisi rakyat Iban. Oleh itu, ini menjelaskan pemuisi Iban seharusnya individu yang mahir mencipta kata dan berkemampuan dalam mendidik masyarakat melalui sebuah puisi.

Penyelidikan yang dijalankan ini mengkaji puisi masyarakat Iban di negeri Sarawak yang disebut sebagai *geliga*. *Geliga* adalah satu daripada *leka main* masyarakat Iban daripada kategori *leka main adat basa* (adat). Jimmy Donald (1993: 103) menyatakan *geliga* dilafazkan sebelum bermulanya majlis keramaian seperti perkahwinan, perayaan gawai, kedatangan tetamu kehormat dan sebagainya. Khalayak ramai dinasihatkan tentang adat melalui *geliga* bagi mengelakkan perselisihan faham dan kehilangan barang.



Kini, *geliga* dikenali sebagai suatu puisi peringatan tentang adat dalam kalangan masyarakat Iban di negeri Sarawak yang hanya dilafazkan ketika perayaan gawai dan majlis keramaian di rumah panjang. Keunikan puisi *geliga* tersebut menyerahkan identiti masyarakat Iban di negeri Sarawak yang bertunjangkan adat dan memperlihatkan kebijaksanaan masyarakat Iban dalam mempertahankan genre sastera Iban secara lisan kepada setiap generasi baharu.

Namun, beberapa masalah telah wujud disebabkan perubahan sosial, politik ekonomi yang menggugat adat dan budaya masyarakat Iban sehingga mempengaruhi usaha mereka untuk mendidik peradaban anak bangsa. Oleh itu, penyelidik akan mengenal pasti masalah yang terlibat supaya penyelidikan ini membantu mempertahankan sastera masyarakat Iban yang memancarkan adat dan budaya supaya tidak terhakis oleh zaman yang serba serbi mencabar ini.



## 1.2 Pernyataan Masalah

*Leka main geliga* yang dilafazkan secara bersahaja iaitu tidak secara berpuisi telah menimbulkan kekeliruan dalam kalangan masyarakat Iban sehingga beranggapan bahawa puisi *geliga* yang dilafazkan tersebut hanya sekadar ucapan yang berunsurkan nasihat. Kesan daripada pertembungan dan perubahan budaya dalam menempuh arus pemodenan pada masa kini ternyata memberi impak besar terhadap tradisi lisan masyarakat Iban di rumah panjang yang bukan hanya mempengaruhi pemikiran generasi muda malah pemikiran generasi tua yang telah melafazkan puisi *geliga* secara bersahaja iaitu tidak secara berpuisi yang boleh membawa kepada kehancuran puisi *geliga* yang bertunjangkan adat dan budaya masyarakat Iban.

Permasalahan ini dilihat semakin kuat berdasarkan kelompongan kajian lalu

oleh Abang Sallehuddin dan Hashim Ismail (2017: 7) yang bertajuk “*Tukang bupsi Ensera*” : *Seni Tradisi Berdepan Cabaran Modernisasi* hanya melihat kepada proses pemodenan memberi kesan kepada sistem tradisi lisan masyarakat Iban di rumah panjang sahaja namun tidak menjurus kepada kesan pemodenan yang memberi impak kepada perlakuan masyarakat Iban di rumah panjang sehingga mempengaruhi kedudukan sistem tradisi lisan masyarakat Iban disebabkan sikap acuh tak acuh dan tidak mengambil berat tentang kepentingan mewarisi tradisi lisan Iban yang boleh membawa kepada kepupusan puisi tradisional masyarakat Iban di Sarawak. Oleh itu, pengekalan dalam mempertahankan puisi tradisional sebagai salah satu cabang seni sastera yang amat popular dan penting di Sarawak perlu diutamakan melalui pemikiran dan perlakuan masyarakat Iban di rumah panjang. Justeru masyarakat Iban perlu membuka pemikiran untuk mengenali puisi rakyat terutamanya *leka main geliga* sebagai puisi adat kerana berupaya membudayakan



bangsa dengan cara mengelakkan perselisihan faham antara penghuni rumah panjang dan para tetamu yang hadir ketika menyambut perayaan gawai dan majlis perkahwinan sekali gus memberi pendedahan kepada masyarakat Iban sendiri tentang kewujudan puisi *geliga* yang boleh membentuk dan mendidik sahsiah diri masyarakat Iban.

Permasalahan kedua tercetus daripada kelompangan kajian terdahulu oleh Adeline Annet, Mohd Mahzan dan Abdul Raziq (2015: 57) yang bertajuk *Pergaulan Dalam Komuniti Rumah Panjang Dan Hubungannya Dengan Masalah Tingkah Laku Pelajar Iban* menjelaskan pembentukan jati diri generasi muda di rumah panjang lebih mudah dipengaruhi oleh persekitaran tempat tinggal iaitu ibu bapa yang menjadi ejen sosialis bagi mendidik tingkah laku anak-anak dan tidak menekankan adat istiadat yang diamalkan di rumah panjang juga berupaya mempengaruhi tingkah laku anak-anak. Walaupun ibu bapa menjadi “role model” untuk anak-anak di rumah namun berbekalkan adat dan budaya yang diamalkan di rumah panjang juga boleh memberi impak kepada sikap masyarakat Iban. Tambahan lagi, akibat tidak mengamalkan adat istiadat di rumah panjang mengakibatkan generasi muda memiliki sifat tidak ingin mendengar dan mematuhi bait-bait *geliga* yang menjelaskan tentang adat rumah panjang sehingga mengganggu kelancaran acara yang diraikan di rumah panjang.

Ini menjelaskan bahawa puisi *geliga* memiliki peranan yang amat penting dalam membudayakan rakyat Iban di Sarawak terutamanya terhadap generasi baharu yang mudah dipengaruhi oleh budaya luar. Fungsi yang terkandung di dalam puisi merupakan antara faktor utama puisi masih dikekalkan kerelevannya (Chemaline Osup, 2013: 120) dalam memartabatkan perlakuan masyarakat Iban



agar lebih berdisiplin dan berakhhlak sekali gus memperlihatkan keberhasilan puisi *geliga* untuk dihayati dan menjadi apresiasi masyarakat Iban supaya terus subuh dan mekar dalam adat dan budaya masyarakat Iban. Hal yang demikian menjelaskan bahawa kajian ini perlu meneroka dengan lebih mendalam fungsi *leka main geliga* yang boleh membudayakan masyarakat Iban agar masyarakat Iban mengetahui akan puisi *geliga* boleh membentuk pendirian mereka ke arah yang lebih baik.

Permasalahan yang ketiga tercetus daripada kelompangan kajian Lilly Salwani, Shaiful dan Nik Rafidah (2020: 21) yang bertajuk *Kefungsian Gaya Bahasa Perulangan dalam Puisi Lisan Melayu* menjelaskan perulangan kata yang digunakan dalam masyarakat lisan merupakan salah satu teknik mengingat. Perulangan kata pada bahagian awal baris, pertengahan baris dan akhir baris secara tidak langsung menimbulkan melodi. Melodi yang terbit hasil daripada gaya bahasa perulangan tersebut membolehkan masyarakat Melayu mudah untuk mengingati kosa kata yang telah digunakan. Menjadikan perulangan kata sebagai *mnemonic device* supaya ungkapan yang dituturkan senang untuk diwarisi.

Namun, perulangan kata yang berlaku adalah bersandarkan kreativiti setiap pengarang puisi yang mengungkapkan fikiran melalui bahasa secara khas yang memperlihatkan keperibadian dan jiwa pengarang. Oleh itu, agar sukar untuk pengarang puisi yang lain mengingati kosa kata yang diulang berserta melodi kerana ia bergantung kepada kemampuan setiap pengarang yang memiliki daya imaginasi yang berbeza untuk mencipta kata-kata puisinya. Perkara tersebut adalah wajar kerana setiap pengarang mempunyai cara pemikiran yang tersendiri terhadap apa yang ingin disampaikan supaya lebih diamati para pendengar. Kenyataan tersebut disokong Fiara, Engliana dan Ira (2020: 24) menyatakan bahawa penulis

mengekspresikan pemikiran yang membangkitkan perasaan dan merangsang imaginasi untuk merangkai kata yang boleh dinikmati para pendengar akan kata-kata yang dicipta dan merasakan emosi pengarang. Selain itu, puisi pastinya dicipta secara spontan kerana generasi masa dahulu tidak berupaya untuk mengingati kosa kata berserta alunan melodi sekiranya hanya mendengar sekali sahaja melainkan masyarakat terdahulu memiliki peralatan teknologi seperti masa kini yang boleh mengambil rakaman suara dan video untuk mengulang semula puisi supaya dapat dihafal.

Disebabkan pengulangan kata tersebut adalah berdasarkan daya kreativiti setiap pengarang, maka bait-bait puisi tersebut disampaikan secara semula jadi yang menjelaskan pengulangan kata tersebut tidak tepat penggunaannya sehingga inti pati yang ingin disampaikan tidak dapat mempengaruhi pemikiran dan menyentuh jiwa emosi pendengar. Puisi *geliga* mengandungi perulangan kata yang dicipta secara semula jadi sehingga mengakibatkan kata-kata yang dicipta tersebut tidak tersusun dan mesej yang disampaikan tidak berkesan.

Hal ini dikatakan sedemikian kerana puisi *geliga* dilafazkan berasaskan diri pengarang, persekitaran pengarang, perlakuan khalayak dan alam sekeliling yang digunakan untuk mencetus idea sekali gus menjelaskan bahawa kata-kata puisi yang dicipta tersebut boleh berubah mengikut situasi. Perulangan kata secara semula jadi tersebut jelas memberi kesan terhadap mesej yang ingin disampaikan sehingga tidak dapat dihayati pendengar. Justeru, penyelidik perlu melihat secara terperinci dan mendalam pada setiap baris puisi *geliga* untuk mengenal pasti adakah gaya bahasa aliterasi, anafora, asonansi, epifora, rima dan sebagainya yang digunakan dalam



puisi *geliga* agar lebih tepat penggunaannya oleh pengarang *geliga* untuk masa akan datang.

### 1.3 Objektif Kajian

Kajian ini mempunyai tiga objektif, iaitu :

1. Mengenal pasti jenis *leka main geliga* rakyat Iban.
2. Merungkai fungsi *leka main geliga* rakyat Iban berdasarkan teori Budaya.
3. Menganalisis gaya bahasa pengulangan kata dalam *geliga* rakyat Iban

berdasarkan teori Stilistik.



### 1.4 Persoalan Kajian

Berdasarkan objektif kajian di atas maka tiga persoalan kajian dibina seperti berikut:

1. Berapakah jenis *leka main geliga* rakyat Iban?
2. Apakah fungsi *leka main geliga* rakyat Iban berdasarkan teori Budaya?
3. Huraikan gaya bahasa pengulangan kata dalam *geliga* rakyat Iban berdasarkan teori Stilistik?





## 1.5 Kepentingan Kajian

Kajian ini amat penting untuk dilakukan bagi memberi pengetahuan yang lebih jelas dan terperinci kepada rakyat Iban tentang puisi *geliga*. Kajian ini juga memberi peluang kepada masyarakat Iban sendiri menyelami *leka main geliga* secara mendalam terutamanya terhadap golongan muda masa kini sehingga boleh mencipta puisi yang tersendiri untuk diwarisi generasi yang seterusnya. Puisi merupakan genre kesusastraan yang amat dekat dengan kehidupan masyarakat. Disebabkan *leka main geliga* ini hanya dipersembahkan semasa perayaan gawai dan majlis perkahwinan, kemungkinan masih ada generasi muda mahupun tua tidak mengetahui tentang *geliga* sehingga menyebabkan mereka tidak mempelajari adat yang diwarisi secara turun temurun. Oleh itu, amat penting bagi generasi masa kini mula mengenali, memahami dan mempelajari puisi *geliga* dalam kalangan rakyat Iban supaya adat dan budaya tersebut terus diwarisi dan tidak ditelan zaman.

Seterusnya, kajian ini juga amat penting dijalankan kerana *geliga* digunakan pemuisi sebagai medium untuk mendidik anak bangsa. Kenyataan tersebut disokong oleh Chemaline dan Norjetta (2019: 1446) yang menjelaskan puisi boleh memberi impak kepada generasi baharu melalui pembentukan sikap mereka supaya lebih berwawasan, berdisiplin dan memiliki etika yang tinggi. Puisi ini dilihat dalam bentuk lisan namun setiap bait puisinya dicipta sebagai panduan untuk mendidik generasi kini tentang peraturan-peraturan hidup khususnya adat. *Geliga* ini ternyata bukan sahaja sebagai satu hiburan malah boleh membentuk keperibadian seseorang.

*Leka main geliga* ini mengandungi mesej tentang adat yang harus dipatuhi. Sekiranya adat tersebut dilanggar maka hukuman akan dikenakan.



Gaya bahasa pengulangan kata yang berlaku dalam puisi *geliga* juga merupakan antara kepentingan kajian ini dijalankan. Mengetahui gaya bahasa pengulangan kata yang berlaku dalam puisi *geliga* dengan lebih jelas dan mendalam amat membantu pemuisi *geliga* ataupun pengarang *geliga* memantapkan lagi puisi *geliga* supaya lebih tersusun dan jelas berdasarkan penggunaan perkataan secara berulang. Selain itu, pengulangan kata juga memudahkan pemuisi *geliga* menyampaikan mesej yang ingin disampaikan melalui puisi *geliga* dengan jayanya. Kenyataan tersebut disokong oleh Indah, Yulia dan Rangga (2018: 80) menyatakan bahawa gaya bahasa memberikan kekuatan kepada mesej yang ingin disampaikan melalui puisi. Bersandarkan kenyataan tersebut, jelaslah bahawa amat penting bagi penyelidik menganalisis gaya bahasa pengulangan kata yang berlaku dalam *leka main geliga*.



Menurut buku *The Encyclopedia of Iban Studies* (2001: 644) menyatakan *geliga* dijadikan panduan para tetamu yang menghadiri majlis keramaian untuk mematuhi peraturan rumah panjang dan menjaga tingkah laku. Secara tidak langsung, melalui *geliga* ini akan mendidik para tetamu mahupun penghuni rumah panjang sendiri untuk bersikap baik. Tambahan lagi, puisi *geliga* boleh mengelakkan berlakunya perselisihan faham. Ternyata puisi *geliga* amat penting dalam menjaga perhubungan yang aman, damai dan sejahtera di samping boleh mendidik tingkah laku setiap pendengarnya. Selain itu, *geliga* juga mengajar masyarakatnya untuk bersikap baik sesama sendiri supaya keharmonian kekal terpelihara.

Melalui pendidikan, kajian ini amat perlu dilakukan bagi membentuk sahsiah diri pelajar selain memberi panduan dan rujukan dalam pengajaran dan

pembelajaran oleh guru di sekolah. Kajian ini adalah berkaitan dengan subjek bahasa Iban di sekolah. Oleh itu, pelajar yang mengambil subjek Bahasa Iban di sekolah rendah mahupun di sekolah menengah akan mendapat manfaat daripada hasil penyelidikan ini nanti yang menjurus kepada puisi tradisional masyarakat Iban. Kajian ini juga amat penting untuk meningkatkan penguasaan pelajar dalam membaca bahasa Iban. Kenyataan tersebut disokong oleh Chemaline Osup (2013: 115) menyatakan puisi mampu meningkatkan penguasaan kemahiran gaya bahasa pelajar bahasa Iban kerana mempunyai unsur sastera yang pelbagai.

Pada masa yang sama ketika dalam pembelajaran, *leka main geliga* ini akan mendidik dan membentuk sahsiah pelajar untuk bersama-sama mengekalkan adat dan budaya komuniti Iban. Tambahan lagi, mereka akan mempunyai kemahiran dalam mendedikasikan *leka main geliga* ini secara berpuisi. Oleh itu, penyelidikan ini amat penting dijalankan kerana memberi kelebihan dan manfaat bukan kepada rakyat Iban sahaja malah kepada pelajar sekolah.

Selain itu, guru juga secara tidak langsung akan mendapat manfaat daripada penyelidikan ini nanti kerana boleh dijadikan sebagai rujukan dalam pengajaran. *Leka main geliga* adalah merupakan puisi masyarakat Iban yang harus diketahui dan dipelajari oleh pelajar bahasa Iban. Justeru, pelajar dan guru yang mempelajari *leka main geliga* melalui hasil penyelidikan ini nanti bukan sahaja dapat menambah ilmu pengetahuan baru malah dapat mengekalkan adat dan budaya masyarakat Iban yang diwarisi secara turun-temurun.

Justeru, dalam kajian ini secara tidak langsung memberi kesedaran tentang pentingnya penyelidikan ini dijalankan kerana ianya bukan sahaja memberi manfaat kepada rakyat Iban sendiri iaitu dalam mengenali adat dan budaya mereka dengan



lebih mendalam malah dapat membantu mengekalkan adat dan budaya yang diwarisi rakyat Iban secara turun temurun agar sentiasa terpelihara. Selain itu, penyelidikan ini juga akan memberi kelebihan kepada pihak sekolah mahupun pelajar dan guru kerana mereka akan dapat menambah ilmu pengetahuan baru yang lebih tersusun, jelas dan terperinci melalui penyelidikan ini.

## 1.6 Batasan Kajian

Penyelidikan ini memberi tumpuan kepada rakyat yang berbangsa Iban di negeri Sarawak. Pengkaji akan memilih kaum Iban yang mendiami rumah panjang di bahagian Sri Aman iaitu di daerah Lubok Antu sahaja. Namun dalam kajian ini tidak semua kaum berbangsa Iban di rumah panjang diselidik. Pengkaji hanya tertumpu kepada individu yang bergelar pemuisi dalam puisi masyarakat Iban iaitu pemuisi *geliga*. Pengkaji juga akan menemu bual pegawai penyelidik bagi mengukuhkan lagi kajian yang dijalankan iaitu berkaitan dengan *geliga*.

Seterusnya, dalam penyelidikan ini penyelidik mengkaji puisi rakyat Iban ataupun disebut sebagai *leka main*. *Leka main* terbahagi kepada tiga kategori iaitu *leka main pemerindang* (hiburan), *leka main adat basa* (adat) dan *leka main invokasi* (seruan). Namun, dalam penyelidikan ini penyelidik hanya mengkaji satu puisi rakyat Iban iaitu *leka main geliga* yang merupakan kategori *leka main adat basa* (adat). *Geliga* ini dilafazkan sebelum bermulanya perayaan gawai dan majlis perkahwinan. Para tetamu yang hadir tersebut dinasihatkan tentang adat bagi mengelakkan perselisihan faham dan kehilangan barang (Jimmy Donald, 1993: 103).





Oleh itu, batasan kajian yang digunakan pengkaji dalam penyelidikan ini ialah kaum Iban di negeri Sarawak yang mendiami rumah panjang. Kaum Iban tersebut merupakan penduduk di bahagian Sri Aman yang tinggal di daerah Lubok Antu sahaja. Pengkaji hanya memberi tumpuan kepada penduduk Iban yang bergelar pemuisi *geliga* dan pegawai penyelidik. Manakala bagi puisi rakyat Iban hanya satu puisi yang diselidik iaitu *leka main geliga*. Oleh itu, diharap batasan kajian yang dilakukan ini dapat membantu penyelidik dalam penghasilan penyelidikan ini nanti.

## 1.7 Definisi Istilah dan Operasional

Bahagian ini mengemukakan beberapa istilah yang digunakan dalam kajian ini. Definisi ini membantu penyelidik dalam memahami setiap istilah yang dibincangkan dalam penyelidikan ini. Selain itu, definisi ini juga memberi pemahaman kepada penyelidik supaya tidak salah erti setiap istilah yang digunakan. Malah, definisi ini sangat membantu para penyelidik bagi melancarkan lagi proses penyelidikan. Graziano & Raulin (2013) menyatakan definisi operasional adalah spesifikasi secara terperinci mengenai bagaimana seseorang mengukur boleh ubah yang diberikan. Definisi operasional boleh dijelaskan secara sederhana, mudah dan bergantung kepada sifat boleh ubah dan keperluan penyelidik. Creswell (2018) menyatakan bahawa definisi operasional memberikan panduan dan petunjuk pengukuran boleh ubah yang digunakan penyelidik dalam suatu kajian. Oleh itu, penyelidik telah menggunakan beberapa tokoh bagi menerangkan





setiap istilah yang telah digunakan. Antara beberapa istilah yang didefinisikan adalah seperti yang berikut:

### 1.7.1 *Leka Main*

Chemaline Osup (2013: 115) menjelaskan *leka main* bermaksud puisi iaitu satu genre sastera suku kaum Iban yang amat akrab dengan kehidupan seharian masyarakat Iban. Nelson Tandang (2017: 1) juga menyatakan *leka main* dicipta hasil daripada pemerhatian tindak-tanduk manusia dalam menjalani kehidupan seharian. Terdapat lebih kurang dua puluh jenis *leka main* yang masih kekal relevan sehingga ke hari ini iaitu *pantun, sanggai, sugi, ganu, jawang, dungai, pelandai ara, ramban, ensera, renong, wa'anak, geliga, ai ansah, entelah, tanya indu, sabak, sampi, pelian, naku pala dan timang*. *Leka main* ini jelas memancarkan peraturan sosiobudaya masyarakat Iban seperti kesantunan bahasa, laras bahasa dan peribahasa yang menjadi jati diri mereka dengan memiliki puisi tradisional yang tersendiri.

Walaupun tujuan utama *leka main* dicipta adalah untuk hiburan, berjenaka, menyindir dan mendidik namun *leka main* juga digunakan untuk menyampaikan pemikiran dan emosi masyarakat Iban seperti perasaan gembira, sedih, rindu, suka, marah dan sebagainya. *Leka main* terbahagi kepada tiga kategori iaitu *leka main pemerindang* (hiburan), *leka main adat basa* (adat) dan *leka main invokasi* (seruan kepada Tuhan). *Leka main geliga* yang dikaji dalam penyelidikan ini merupakan salah satu puisi adat bagi masyarakat Iban.





Sebagai contoh, adat yang dipancarkan melalui *leka main geliga* adalah peraturan rumah panjang yang perlu dipatuhi oleh khalayak sepanjang majlis keramaian berlangsung. Sekiranya terdapat salah seorang khalayak yang hadir didapati melanggar adat rumah panjang tersebut iaitu secara sengaja menimbulkan pergaduhan akan dikenakan denda oleh *tuai rumah* (ketua kampung) yang berkuasa menentukan adat kepada pesalah.

### 1.7.2 *Geliga*

Jimmy Donald (1993: 103) menyatakan *geliga* dilafazkan sebelum bermulanya majlis keramaian seperti perkahwinan, perayaan gawai, kedatangan tetamu kehormat dan sebagainya. Khalayak ramai dinasihatkan tentang adat melalui *geliga* bagi mengelakkan perselisihan faham dan kehilangan barang. *Geliga* merupakan puisi rakyat Iban yang mementingkan peringatan tentang adat dalam setiap kata puisinya. Oleh itu, *geliga* ini memainkan peranan dalam setiap majlis yang diadakan di rumah panjang masyarakat Iban.

Jantan Umbat dan Janang Ensiring (2004: 169) juga menjelaskan puisi *geliga* merupakan undang-undang gawai yang digunakan pada setiap perayaan gawai secara besar-besaran seperti hari gawai, gawai antu, gawai kenyalang dan sebagainya. *Geliga* digunakan untuk menjelaskan tentang adat rumah panjang berkaitan tingkah laku kepada para tetamu supaya perayaan yang diraikan berjalan dengan lancar. Sebagai contoh, adat yang sering diselitkan dalam puisi *geliga* adalah tidak boleh bergaduh, mencuri, membunuh, membawa senjata tajam,





membawa racun, menyindir, mengganggu gadis dan memasuki bilik rumah panjang tanpa kebenaran tuan empunya bilik.

### 1.7.3 Adat

Gregory Kiyai dan Noria Tugang (2020: 60) menyatakan bahawa adat dalam masyarakat Iban merupakan peraturan hidup yang berkaitan dengan tingkah laku dan denda. Adat menjadi salah satu daripada elemen warisan hasil tinggalan nenek moyang yang diwarisi secara turun-temurun oleh masyarakat Iban. Adat merupakan warisan bukan benda kerana diwarisi secara tradisi lisan (Kesusasteraan Iban) seperti *ai ansah, tanya indu, geliga, muka kuta, kujuk panggang, dungai ngerasukka tinchin, pantun/sanggai meri ngirup, pantun puji, pantun peransang dan jawang pemansang ensera, geliga, entelah, sugi, ramban*.

Elemen adat yang diamalkan masyarakat Iban dalam kehidupan mereka adalah adat membina rumah, adat kahwin dan cerai, adat beranak, adat bertani, adat meninggal, adat gawai dan upacara, adat hidup di rumah panjang, adat burong dan bermimpi serta adat mengembara. Kesemua adat tersebut diselitkan masyarakat Iban ke dalam bahasa dan sastera Iban yang menjurus kepada adat dan budaya.

Benedict Sandin (1980: 7) menyatakan bahawa adat berkaitan rapat dengan kehidupan manusia dari segi sosial, ekonomi, agama dan politik. Terdapat beberapa elemen adat yang dikuatkuaskan undang-undang. Sebagai contoh, adat yang dijalankan di rumah panjang telah dikuatkuaskan oleh undang-undang. Maka jika terdapat individu yang bersalah kerana melanggar adat tersebut akan dikenakan denda. Adat merupakan sebahagian besar daripada kehidupan masyarakat Iban yang



digunakan mereka untuk mentadbir segala situasi yang berlaku dalam persekitaran hidup di rumah panjang.

Adat mempunyai prosedur kehakiman yang tersendiri sehingga boleh menjatuhkan hukuman dan menegakkan keadilan masyarakat Iban. Disebabkan itu, masyarakat Iban mementingkan adat dalam kehidupan mereka kerana mereka bukan sahaja mempertahankan adat tradisi namun adat tersebut digunakan untuk menghadapi liku-liku kehidupan kerana nilai adat memberi kekuatan dan kelebihan kepada masyarakat Iban untuk sentiasa bersikap positif, mahir mengawal tingkah laku dan memperkenalkan keperibadian yang baik. Sebagai contoh adat yang dipancarkan dalam puisi *geliga* yang berkaitan dengan penyelidikan ini adalah sesiapa yang didapati membawa senjata tajam sebelum bermulanya perayaan hari gawai tidak dibenarkan memasuki rumah panjang dan disuruh pulang serta merta kerana dikhuatiri mencederakan orang ramai.

#### 1.7.4 Teori Budaya

Alan Sinfield (1992: 291) menyatakan teori budaya mengkaji segala tindakan manusia yang memasuki dan membentuk masyarakatnya. Alan Sinfield juga menjelaskan seseorang individu yang telah menghadirkan diri ke dalam suatu kelompok masyarakat pasti akan mengenal dan menguasai budaya masyarakat tersebut melalui tindakan-tindakan yang dilihatnya sekali gus membawa kepada pembaharuan dan kemajuan masyarakat yang terlibat. Justeru, dapat dilihat bahawa teori budaya ini membicarakan konsep humanisme yang menyentuh sikap manusia dalam kehidupan mereka.



Simon Durins (1993: 14) juga menyatakan salah satu tuntutan teori budaya ini adalah generasi sekarang selalu memandang budaya lama dianggap usang. Sekiranya perkara tersebut berterusan maka akan mengakibatkan hilangnya ketamadunan sesebuah masyarakat. Teori budaya tersebut digunakan penyelidik untuk mengkaji *leka main geliga* yang berperanan membudayakan masyarakat Iban dari segi peradaban yang diutarakan dalam setiap bait-bait yang dilafazkan. Ia juga melihat bagaimana pengarang *leka main geliga* menguasai budaya masyarakat Iban yang tinggal di rumah panjang untuk membawa kemajuan dan pembaharuan dari segi tingkah laku.

Sebagai contoh, bait-bait *geliga* yang berperanan membudayakan masyarakat Iban adalah menekankan khalayak agar tidak mengeluarkan kata sindiran sekiranya melihat saudara lain memakai pakaian lusuh, tidak memakai barang emas dan memiliki wajah yang hodoh ketika menghadiri perayaan gawai atau majlis perkahwinan di rumah panjang supaya tidak berlaku pergaduhan sebaliknya menjadi hubungan yang harmoni.

### 1.7.5 Teori Stilistik

Michael Toolan (1998) menjelaskan teori stilistik merupakan satu kajian terhadap karya yang menekankan aspek bagaimana untuk menulis sesebuah karya dengan baik dan bagaimana cara untuk mengeksplorasi bahasa dengan sebaik-baiknya. Melalui teori stilistik ini, aspek bahasa, pembahasan dan gaya dan pembicaraan merupakan komponen-komponen yang menjadi struktur sesebuah karya. Justeru,





konsep utama teori ini adalah melihat kepada teks sastera, pembinaan dan penciptaan karya.

Mana Sikana (2014: 151) menjelaskan penekanan yang paling penting dan utama dalam analisis stilistik adalah melihat kepada gaya peribadi atau stail individualisme. Setiap pengarang puisi mempunyai kelebihan terhadap gaya masing-masing seperti corak penulisan yang membantu pengarang untuk memantapkan lagi puisi yang dicipta. Tambahan lagi, gaya tersebut juga menjadi senjata untuk pemuisi memikat para pendengarnya kerana memberi keindahan terhadap puisi yang boleh mencuri perhatian khalayak untuk mendengar setiap bait-bait yang dilafazkan. Teori stilistik digunakan dalam penyelidikan ini untuk melihat kepada penggunaan gaya bahasa pengulangan kata yang dicipta oleh pengarang *geliga* pada setiap baris *geliga*. Sebagai contoh, terdapat pengulangan kata pada awal baris, tengah baris dan akhir baris secara berturutan yang mencetus idea penyelidik untuk menganalisis pengulangan kata yang telah berlaku pada *leka main geliga*.

### 1.7.6 Retorik

Muhammad Mazlan (2015: 2) menjelaskan bahawa retorik digunakan untuk menyampaikan maklumat kepada khalayak ramai supaya dapat menguasai pemikiran mereka untuk menerima maklumat yang disampaikan. Keupayaan seseorang memanipulasikan retorik dalam kata-katanya dapat dijadikan sebagai senjata untuk memikat masyarakat, pendengar atau pembaca agar terus meminati





apa yang disampaikan kerana retorik berupaya mempengaruhi pemikiran sehingga mengubah pendirian masyarakat.

Mazlan (2015) juga menjelaskan bahawa retorik bertujuan untuk menilai ucapan yang diajukan melalui bahasa pujukan yang digunakan untuk mengubah perlakuan serta pendirian masyarakat. Mazlan (2015) turut membuktikan bahawa retorik mempunyai potensi sebagai kaedah pemujukan kepada masyarakat sehingga pada akhirnya dapat membentuk atau merubah tindakan khalayak.

Lanham (1991) turut menjelaskan bahawa retorik merupakan teknik untuk menarik perhatian dan mendapatkan keyakinan seseorang yang mendengar atau membacanya. Penggunaan retorik ditekankan dalam *leka main geliga* melalui penggunaan bahasa iaitu menggunakan gaya bahasa pengulangan kata untuk memberi kesan emosi, mengusik jiwa dan kesan tingkah laku kepada pendengar atau pembaca. Sebagai contoh, pengulangan kata anafora yang dilakukan secara berulang pada awal baris dalam puisi *geliga* berupaya mempengaruhi pemikiran pendengar agar mematuhi adat rumah panjang yang ditetapkan. Selain itu, kata yang diulang tersebut berupaya memberi kesan emosi kepada pendengar agar takut untuk melanggar adat tersebut kerana tidak ingin dikenakan denda yang boleh menyusahkan diri sendiri.

### 1.7.7 Pengulangan

Nik Hassan Basri Bin Nik Ab. Kadir (2005: 25) menyatakan bahawa pengulangan adalah gaya bahasa yang mengandungi unsur-unsur pengulangan bunyi, suku kata, kata, frasa atau bahagian ayat. Pengulangan tersebut dianggap penting untuk





menghasilkan kesan dan memberi tekanan dalam sebuah konteks yang sesuai. Penghasilan kesan dan tekanan dapat membantu pengarang menarik perhatian pendengarnya. Pengulangan ini harus dilakukan dengan tujuan untuk menegaskan kepentingannya. Perulangan tanpa tujuan akan memberi kesan kepada karya kerana ianya akan kedengaran tidak mempunyai makna.

Noriha Basir (2010: 97) menjelaskan bahawa kata yang diadun secara berulang amat bersesuaian untuk memberi kesan dengan menarik minat pembaca atau khalayak. Tambahan lagi, kefahaman yang diperoleh melalui pengulangan kata secara peribadinya juga dapat membantu mendidik masyarakat yang hadir. Pengulangan yang digunakan dalam *leka main geliga* adalah pemilihan kata yang menjadikan puisi lebih hidup dan mempertajamkan makna kerana berupaya membantu pengarang untuk memberi impak kepada pendengar sekali gus menyampaikan mesej dengan berkesan. Sebagai contoh, pengarang mengulang kata “*anang sesekali*” yang bermaksud jangan sesekali secara berturutan iaitu lebih dari dua baris untuk menimbulkan reaksi pendengar dengan lebih cepat agar tidak melakukan perkara yang tidak baik sepanjang perayaan gawai diadakan supaya kelangsungan acara dapat dijalankan dengan lancar dan damai.

### 1.7.8 Anafora

Corbett dan Connors (1999) menyatakan bahawa anafora melibatkan pengulangan perkataan yang sama sifatnya iaitu berulang pada permulaan klausa dan seterusnya. Pengulangan kata pada awal baris berupaya untuk menimbulkan kesan penegasan kepada maksud yang ingin disampaikan dan menimbulkan keindahan irama supaya lebih menarik dan mencuit hati pendengar.





Kenyataan tersebut juga dijelaskan oleh John Hollander dan Alasan Rhyme (1989) menjelaskan bahawa gaya anafora memberi kesan kepada pendengar melalui pengulangan lebih dari satu baris sehingga makna yang ingin disampaikan oleh pengarang puisi tercapai kerana berhasil mempengaruhi pendengarnya. Sebagai contoh, berdasarkan penyelidikan ini yang melihat kepada gaya bahasa pengulangan kata anafora, penyelidik mendapati pengarang *geliga* menggunakan gaya anafora iaitu “*endor*” yang membawa erti tempat diulang sebanyak empat kali secara berturutan untuk mendapatkan kesan perasaan takut kepada pendengar yang telah diberi amaran oleh pengarang untuk tidak menjadikan “*ruai*” iaitu ruang tetamu rumah panjang tempat bergaduh, tempat berlawan, tempat pembunuhan dan sebagainya. Sekiranya mereka didapati bergaduh, maka dikenakan denda oleh ketua kampung.



### 1.7.9 Epifora

Henry Guntur Tarigan (1985: 180) menyatakan epifora merupakan pengulangan kata, frasa pada akhir baris secara berturutan. Pengulangan akhir baris tersebut digunakan untuk memberi penekanan dan penegasan terhadap makna yang ingin disampaikan kepada pendengar. Penekanan yang diutamakan pada kata yang diulang pasti membantu pengarang untuk menguasai fikiran pendengar atau pembaca.

Siswanti, Syaima dan Sary (2019: 19) turut menjelaskan gaya bahasa pengulangan kata epifora merupakan pengulangan kata pada akhir baris secara berturutan. Epifora diulang pada akhir baris untuk memberi kesan penegasan





terhadap pendengarnya yang boleh ditakrifkan sebagai suatu amaran kerana berupaya menggugat emosi dan pemikiran pendengar sehingga tidak berani untuk membantah pesanan adat yang disampaikan melalui bait-bait puisi *geliga*. Sebagai contoh, penekanan melalui pengulangan kata epifora ini dipaparkan melalui perkataan “*ringgit*” yang diulang sebanyak dua kali membawa erti wang ringgit digunakan pengarang untuk menegaskan makna terhadap denda yang dikenakan adalah berbentuk wang ringgit sekiranya para tetamu yang hadir ke majlis perkahwinan telah melanggar adat rumah panjang yang telah ditetapkan. Jelaslah bahawa penekanan dan penegasan terhadap sesuatu makna amat penting untuk mempertahankan adat tradisi masyarakat Iban melalui puisi *geliga*.



Keraf (2004: 128) berpendapat bahawa gaya bahasa mesodilopsis merupakan pengulangan kata di tengah-tengah baris secara berturutan. Pengulangan kata di tengah-tengah baris secara umumnya menonjolkan suatu keindahan dalam seni kata, pemilihan kata dan susunan kata sehingga boleh membawa maksud yang ingin disampaikan dan menjadi satu cerminan kebijaksanaan masyarakat Iban untuk menjadikan puisi tradisi lebih unik. Malah Tarigan (1985: 198) turut menjelaskan bahawa perulangan pada pertengahan baris berupaya untuk menerangkan sesuatu dengan lebih jelas dan berkesan.

Kenyataan tersebut disokong oleh Viny, Chairil dan Martono (2013: 11) yang menyatakan bahawa gaya bahasa mesodilopsis berupaya untuk memperkuatkan kesan mesej yang ingin disampaikan. Sebagai contoh, pengulangan



kata mesodilopsis yang dipaparkan melalui *leka main geliga* adalah pada kata “*diganti*” yang diulang di tengah-tengah baris sebanyak dua kali membawa erti kepada sesuatu barang yang dipecahkan secara sengaja perlu diganti semula supaya tidak menimbulkan perselisihan faham antara pengajur acara perayaan gawai dan para tetamu yang terlibat. Pengulangan tersebut berupaya mempengaruhi pemikiran dan tingkah laku pendengarnya agar patuh kepada nasihat yang disampaikan melalui perulangan kata di tengah-tengah baris secara berturutan.

## 1.8 Penutup

Bab ini telah mengemukakan gambaran secara umum merangkumi latar belakang kajian yang membincangkan tentang asal usul rakyat Iban di negeri Sarawak. Ia menjelaskan tentang asal usul puisi rakyat Iban di negeri Sarawak yang diamalkan secara turun-temurun. Bab ini juga membincangkan tentang pernyataan masalah yang dihadapi dalam penyelidikan ini iaitu pernyataan masalah tentang *geliga* sebagai puisi adat dalam komuniti Iban.

Melalui pernyataan masalah ini telah dinyatakan bahawa puisi *geliga* dilafazkan secara bersahaja dan tidak dilafazkan secara puisi dan sifat tidak ingin mendengar dan mematuhi bait-bait *geliga* dalam kalangan generasi muda juga akan mengganggu kelancaran acara. Seterusnya, puisi *geliga* yang diciptakan secara spontan sehingga menyebabkan gaya bahasa pengulangan kata tidak jelas juga merupakan pernyataan masalah yang dibincangkan penyelidik.

Bagi objektif kajian dalam penyelidikan ini adalah untuk mengenal pasti jenis-jenis *leka main geliga* rakyat Iban. Selain itu, merungkai fungsi *leka main*



*geliga* berdasarkan teori Budaya dan menganalisis gaya bahasa pengulangan kata yang berlaku dalam *leka main geliga* berdasarkan teori Stilistik. Seterusnya bagi persoalan kajian ialah penyelidik akan melihat berapakah jenis *leka main geliga* rakyat Iban dan menyatakan fungsi *leka main geliga* berdasarkan teori. Akhir sekali, persoalan kajian adalah menghuraikan gaya bahasa pengulangan kata yang berlaku dalam *leka main geliga* berdasarkan teori Stilistik.

Kemudian diikuti dengan kepentingan *geliga* iaitu memberi pengetahuan baharu kepada generasi pada masa kini dengan lebih jelas dan terperinci kerana mempunyai isi kandungan berkenaan tentang adat rakyat Iban di rumah panjang. Selain itu, kepentingan *leka main geliga* juga sebagai medium mendidik anak bangsa serta dapat mengukuhkan gaya bahasa pengulangan kata yang lebih jelas.

Malah, puisi *geliga* juga dapat dijadikan rujukan dan panduan dalam proses pembelajaran dan pengajaran dalam mata pelajaran Bahasa Iban oleh guru dan pelajar di sekolah rendah mahupun sekolah menengah. Diikuti dengan batasan kajian yang berkaitan dengan *geliga* yang menerangkan kajian hanya dilakukan terhadap rakyat Iban yang tinggal di rumah panjang di daerah Lubok Antu sahaja. Rakyat tersebut merupakan pemuisi *geliga* dalam masyarakat Iban dan penyelidik profesional. Batasan kajian juga membincangkan pengkaji memilih satu daripada puisi rakyat Iban daripada kategori *leka main adat basa* (adat) iaitu *geliga*.

Akhir sekali, sepuluh definisi operasional iaitu *leka main*, *geliga*, adat, teori budaya, teori stilistik, retorik, pengulangan, anafora, epifora dan mesodilopsis telah dinyatakan dalam penyelidikan ini bagi membantu penyelidik faham tentang penggunaan setiap istilah dalam penyelidikan ini.

